

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA
11 JUN 2025

RHB ISLAMIC DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN LANCAR KAD PINTAR PELBAGAI GUNA UNTUK PELAJAR TVET

Nibong Tebal, Pulau Pinang – Kumpulan Perbankan RHB ("RHB" atau "Kumpulan") melalui anak syarikatnya, RHB Islamic Bank Berhad ("RHB Islamic"), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia ("KPM"), melancarkan inisiatif RHB MyTVETKPM yang memperkenalkan kad pintar pelbagai guna untuk pelajar di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional ("TVET"). Kad pintar pelbagai guna ini berfungsi sebagai kad identiti matrikulasi pelajar dan juga kad debit RHB. Seramai 74,000 pelajar daripada 86 kolej vokasional dan 9 sekolah menengah teknik di seluruh negara bakal mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

"Pelancaran MyTVETKPM mengukuhkan penajajaran RHB Islamic dengan aspirasi kerajaan Malaysia untuk meningkatkan sektor TVET. Memandangkan TVET merupakan tonggak penting dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan negara, RHB amat bangga dapat menyumbang melalui penyelesaian kewangan yang praktikal dan mesra pelajar dalam menyokong pembangunan saluran bakat yang mampan," kata Dato' Adissadikin Ali, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Bank Berhad.

Pelaksanaan MyTVETKPM di seluruh negara adalah berasaskan kejayaan MySISWA yang diperkenalkan pada tahun 2022 dan melibatkan lebih daripada 600,000 pelajar daripada 20 universiti awam. MyTVETKPM merupakan kesinambungan kepada penyelesaian inovatif yang direka khusus untuk pelajar TVET. Dengan pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro, pelajar akan menikmati pengalaman 'satu kad untuk semua' dan membolehkan mereka mengurus dana, membuat pembayaran tanpa tunai, serta menikmati promosi dan diskaun eksklusif. Faedah-faedah ini merangkumi keistimewaan yang ditawarkan oleh pelbagai pembekal dan rakan niaga RHB yang mengambil bahagian, termasuk dalam sektor makanan dan minuman, pengangkutan, pendidikan, produk dan perkhidmatan berkaitan gaya hidup, serta pakej telekomunikasi dan data.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk memperkasakan pelajar dan institusi pengajian melalui ekosistem kewangan holistik. Pengenalan kad pintar pelbagai guna bukan sekadar kemudahan, tetapi juga alat untuk meningkatkan aksesibiliti dan keterangkuman. Ia menggalakkan pengurusan kewangan yang lebih baik, memupuk tabiat menabung, dan menyokong peralihan ke arah kampus tanpa tunai yang pintar di seluruh negara," tambah Dato' Adissadikin.

Perjanjian kerjasama untuk inisiatif ini telah dimeterai antara RHB Islamic dan Yayasan Didik Negara, iaitu badan filantropi rasmi Kementerian Pendidikan, pada tahun 2024.
